

# BERITA

## MAJLIS MESYUARAT NEGARA

Berita Majlis Mesyuarat Negara merupakan terbitan rasmi oleh Urusetia Majlis Mesyuarat Negara bagi melaporkan aktiviti-aktiviti dan perkembangan terkini Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam di dalam dan di luar negara.



EDISI PERTAMA | JANUARI HINGGA JUN 2024

### Edisi Pertama Berita Majlis Mesyuarat Negara



Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam Sejahtera.  
Alhamdulilah sukacita saya  
memperkenalkan Edisi  
Pertama Berita Majlis  
Mesyuarat Negara yang telah  
disediakan oleh Urusetia  
Majlis Mesyuarat Negara.  
Terbitan yang julung kalinya  
ini diterbitkan adalah untuk  
berkongsi maklumat,  
perkembangan, pencapaian,  
dan aktiviti-aktiviti penting  
yang telah dilaksanakan oleh  
Majlis Mesyuarat Negara  
sepanjang 6 bulan pertama  
pada tahun ini.

Acara yang penting dalam  
awal tahun 2024 adalah  
Istiadat Pembukaan Rasmi  
Persidangan Majlis Mesyuarat  
Negara (MMN) ke-20 dan  
Mesyuarat Pertama dari  
Musim Permesyuaratan ke-20  
Majlis Mesyuarat Negara.

Di samping itu, pelbagai aktiviti  
telah diadakan, sama ada yang  
dianjurkan, dihoskan, atau  
disertai oleh Majlis Mesyuarat  
Negara, termasuk mesyuarat-  
mesyuarat yang telah dihadiri di  
dalam dan di luar negara.  
Buletin ini juga menampilkan  
lawatan dari luar negara  
ke Majlis Mesyuarat Negara,  
yang mana adalah sebagai  
usaha dalam meningkatkan  
kerjasama antara parliment  
Negara.

Saya berharap buletin ini akan  
digunakan sebagai sumber  
rujukan yang berguna kepada  
pihak yang berkepentingan dan  
dapat memberi manfaat  
kepada para pembaca,  
terutamanya dalam membantu  
mengukuhkan hubungan dan  
kerjasama antara Majlis  
Mesyuarat Negara dan semua  
pihak yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat  
Pehin Orang Kaya Seri Lela  
Dato Seri Setia Awang Haji  
Abdul Rahman bin Dato Setia  
Haji Mohamed Taib,  
Yang Di-Pertua  
Majlis Mesyuarat Negara**

#### Dalam edisi ini :

---

**Persidangan  
MMN Ke-20**

---

**Mesyuarat AIPA  
CAUCUS Ke-15**

---

**Mesyuarat dan  
Bengkel Luar  
Negara**

---

**Lawatan-  
Lawatan Ke  
MMN**

---

**Program  
Pemberigaan  
MMN**

---

**Sesi Muzakarah,  
Dialog &  
Lawatan**

---

**Aktiviti-Aktiviti  
Jabatan**

---

# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

## 27 FEBRUARI - 23 MAC 2024

### Persidangan MMN Ke-20

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ke-20, telah berlangsung dari 27 Februari hingga 23 Mac 2024. Persidangan pada tahun ini telah membincangkan dan meluluskan perkara utama iaitu Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025, melalui tiga peringkat sebelum diluluskan sepenuhnya dan diwartakan untuk diguna pakai bermula 1 April 2024.



### Istiadat Pembukaan Rasmi MMN Ke-20

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah berkenan berangkat menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung pada Hari Selasa, 17 Sya'aban 1445H bersamaan 27 Februari 2024M bertempat di Dewan Persidangan, Bangunan Dewan Majlis.

Dalam titah baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan kepentingan persidangan ini sebagai landasan utama untuk membincangkan hala tuju negara dalam aspek pembangunan ekonomi, sosial, dan kesejahteraan rakyat. Baginda turut menegaskan komitmen Kerajaan dalam meneruskan perancangan strategik bagi menghadapi cabaran masa hadapan. Antara petikan Titah Baginda sewaktu Istiadat Pembukaan Rasmi adalah seperti berikut:

*"Majlis Mesyuarat Negara adalah merupakan medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran yang membina oleh para Ahli. Ia diharatkannya kekal relevan untuk membincang perkara-perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara..."*

*"...Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dilantik juga disarankan untuk membuat inisiatif-inisiatif masing-masing ke arah membantu Kerajaan Beta dalam menjana peluang-peluang pekerjaan, mempertingkatkan sektor-sektor perekonomian dan pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia, termasuk di kalangan pengusaha-pengusaha tempatan dan golongan-golongan tertentu yang lain..."*



*"...Adalah juga menjadi harapan kita supaya Blueprint-Blueprint yang berkaitan dengan perekonomian, akan mendorong kepada pertumbuhan sektor yang disasarkan, dan dapat menarik lebih banyak lagi pelaburan langsung asing yang berpotensi untuk menjana peluang-peluang pekerjaan baharu..."*



*"...Apa yang penting di sini ialah, setiap agensi Kerajaan Beta hendaklah menggunakan peruntukan yang disediakan dengan lebih berhimah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk dan rakyat negara ini..."*



### Pembentangan Belanjawan dan Inisiatif Penting

Salah satu agenda utama persidangan ini adalah pembentangan bajet negara 2024/2025 oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, yang dibincangkan melalui tiga keutamaan baharu, iaitu meningkatkan kesejahteraan awam, memperkuuh kepelbagai ekonomi mampu, dan pembangunan modal insan yang dinamik. Tema ini mencerminkan komitmen Kerajaan untuk membina ekonomi yang dinamik dan mampu untuk mencapai Wawasan Brunei 2035. Kerajaan berharap agar ekonomi Negara dapat terus berkembang dan memberikan manfaat secara inklusif kepada semua golongan masyarakat, serta menyokong tema belanjawan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 iaitu "Bersatu Membina Masa Depan yang Lebih Makmur".



Antara perkara-pekerja yang telah dibincangkan termasuk peruntukan perbelanjaan yang signifikan untuk sektor pendidikan dan kesihatan, yang merupakan bidang utama yang akan terus diberi penekanan dalam usaha mencapai Wawasan Brunei 2035. Keberhasilan yang diharapkan adalah akses kepada pendidikan berkualiti dan perkhidmatan kesihatan, di samping memastikan setiap rakyat mempunyai peluang untuk menikmati kehidupan yang lebih baik.



### Perbahasan di peringkat Komiti Perbekalan

Ahli-ahli MMN telah mengemukakan pelbagai pandangan dan cadangan sewaktu perbahasan dalam peringkat komiti. Antara bidang utama yang dikemukakan termasuk memperkuuh sokongan sosial dan ekonomi kepada rakyat. Ini termasuk pelbagai inisiatif kebajikan bagi golongan berpendapatan rendah dan usaha sokongan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Dalam perbahasan tersebut, isu-isu seperti perumahan, keselamatan pekerjaan, dan keselamatan jalan raya juga dibincangkan.



Ahli-Ahli MMN turut membincangkan topik alam sekitar, termasuk langkah-langkah pengurangan pencemaran dan mempromosikan penggunaan tenaga bersih. Perbincangan juga telah menekankan kepentingan pemeliharaan alam sekitar untuk generasi akan datang selaras dengan aspirasi dan dasar perubahan iklim Negara.



Pendidikan juga mendapat perhatian dalam perbahasan yang mana telah diberikan peruntukan untuk meningkatkan kemudahan dan akses kepada pendidikan berkualiti. Keberhasilan yang diharap adalah agar setiap rakyat, tanpa mengira latar belakang, berpeluang menikmati pendidikan yang dapat mempersiapkan mereka menghadapi cabaran masa depan. Penekanan turut diberikan kepada pengajaran dan pembelajaran teknologi yang selari dengan perkembangan global.



Aspek pendidikan ugama turut dibahaskan terutamanya pelaksanaan pengintegrasian mata pelajaran Ugama ke dalam sistem pendidikan umum yang telah bermula pada Hari Rabu, 17 Rabiulakhir 1445H bersamaan 1 November 2023M. Usaha dalam meningkatkan kualiti guru, kurikulum dan kemudahan institusi-institusi pendidikan ugama turut dibincangkan bagi memastikan Negara akan dapat melahirkan generasi muda yang cemerlang dalam ilmu dunia dan ilmu agama, sejajar dengan prinsip Melayu Islam Beraja.



Persidangan juga menekankan mengenai isu keselamatan makanan negara serta cara untuk meningkatkan produktiviti pertanian dan agromakanan melalui teknologi moden. Pelaksanaan usaha-usaha ini akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada impot dan memastikan keperluan makanan tempatan dapat dipenuhi.

### Penangguhan Persidangan

Dalam ucapan penangguhan, Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara menekankan bahawa perbincangan dan cadangan yang dikemukakan semasa persidangan telah memberikan pandangan berharga untuk pembentukan dasar. Yang Berhormat Yang Di-Pertua menyeru agar Ahli-Ahli MMN terus komited dalam perbincangan strategik dan memastikan kemanfaatan kepada Agenda Pembangunan Negara.



Yang Berhormat Yang Di-Pertua berharap agar Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dapat meneruskan lagi pelbagai usaha untuk menyokong dan meneruskan kesinambungan usaha-usaha pembangunan negara seperti permuzakarah dan mengadakan perbincangan dari masa ke semasa. Perkara ini adalah dalam usaha menjunjung tinggi kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara, pada mana Baginda menaruh harapan agar Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik untuk sentiasa 'turun padang' untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak berkepentingan dari sektor kerajaan, swasta, persatuan-persatuan dan para penduduk yang diwakili.

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara merupakan landasan utama bagi fungsi legislatif dan pengawasan tadbir urus. Peranan Majlis Mesyuarat Negara dalam memastikan tadbir urus awam yang baik amat penting, yang mana melalui perbincangan, kebertanggungjawaban Kerajaan dan melalui sokongan padu daripada semua pihak, Negara akan terus bergerak ke arah mencapai aspirasi Wawasan 2035.

# RENCANA PERSIDANGAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA KE-20

## SIDANG MMN PATUHI NILAI, PRINSIP MIB

### (PETIKAN DARI TERBITAN PELITA BRUNEI, 26 FEBRUARI 2024)



Majlis Mesyuarat Negara merupakan satu ciri dan tradisi penting dalam sistem pemerintahan Beraja, yang dipegang teguh selama lebih dari satu abad. Berpangkal dari perbincangan konsultatif yang diadakan dalam suasana harmoni, bersatu padu, dan saling hormat-menghormati, Majlis Mesyuarat Negara dengan tegas mematuhi nilai-nilai dan prinsip-prinsip Melayu Islam Beraja (MIB) serta memperkuatkannya lagi hubungan antara rakyat dan kerajaan.

Matlamat utama Majlis Mesyuarat Negara adalah bagi mewujudkan kemakmuran, kemajuan, keamanan dan keselamatan untuk mengekalkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Kerajaan berperlembagaan yang adil, berdaulat, aman, makmur, dan penuh kebahagiaan, kekal kukuh dan utuh di bawah bimbingan serta rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

#### Sejarah Ringkas

Dalam tahun 1906, sebuah Majlis Mesyuarat Negeri telah diwujudkan untuk menggubal dan meluluskan segala undang - undang dan keahliannya terdiri daripada 10 orang ahli iaitu pegawai-pegawai British yang bertugas di dalam negeri ini, orang-orang yang diangkat gelaran dan disampiri gelaran seperti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Permaisura, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Temanggong, Pehin Orang Kaya Digadong, Pehin Dato Temanggong, Pehin Orang Kaya Shahbandar, Pehin Orang Kaya Laksamana dan Sultan sendiri menjadi Pengerusi Majlis.

Sebuah lagi badan yang penting ialah Majlis Mesyuarat Negeri yang ditubuhkan selepas berkuat kuasanya Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Majlis ini telah mengalami beberapa kali perubahan dari segi bilangan ahli. Pada peringkat awalnya, di dalam perlumbagaan telah menetapkan bilangan ahli seramai 30 orang termasuk 16 orang ahli yang dipilih oleh rakyat, sebelum majlis ini dibubarkan pada tahun 1984. Majlis ini mempunyai 20 orang ahli; 6 orang Ahli Rasmi Kerana Jawatan (*Ex-Officio member*), 5 orang Ahli Rasmi (*Official member*) dan 10 orang Ahli Yang Dilantik (*Nominated member*). Ahli Rasmi Kerana Jawatan terdiri daripada Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, Peguam Negara, Pegawai Kewangan Negara dan Penasihat Ugama. Ahli Rasmi pula, mereka yang sedang menyandang jawatan kerajaan manakala ahli dilantik adalah mereka yang tidak menyandang jawatan di pihak kerajaan. Ahli Majlis yang dipilih oleh rakyat dan ahli yang dilantik (*Nominated member*) telah dibubarkan pada tahun 1970.

Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri pada mulanya dipengerusikan oleh Menteri Besar, tetapi kemudiannya seorang ahli yang dipanggil Yang Di-Pertua Dewan (*Speaker*) menjadi pengerusi. Yang Di-Pertua Dewan (*Speaker*) adalah dilantik oleh Sultan sama ada daripada kalangan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negeri itu sendiri ataupun daripada orang yang bukan ahli.

#### Peranan Majlis Mesyuarat Negeri dalam pentadbiran

Setiap sebuah negeri yang maju dalam bidang pentadbiran haruslah disokong oleh tiga bahagian yang sangat penting dan mempunyai hubung kait di antara satu dengan yang lain serta sangat kukuh. Bahagian - Bahagian yang dimaksudkan itu ialah Perundangan (*Legislature*), Kehakiman (*Judiciary*) dan Eksekutif (*Executive*)- Pentadbiran.

Ketiga-tiga bahagian ini diharuskan mempunyai keseimbangan bersama, sekiranya salah satu bahagian ini mempunyai kelemahan maka pentadbiran kerajaan itu akan mengalami kepincangan dan terancam oleh anasir-anasir jahat yang berniat untuk merosakkan negara yang aman damai itu.

Negara Brunei Darussalam walaupun bukan kerajaan yang berparlimen (*Parliamentary System of Government*), tetapi tugas dan tanggungjawab pada meluluskan kesemua undang-undang adalah terletak di bawah kuasa Perundangan (*Legislature*) yang mana digelarkan 'Majlis Mesyuarat Negeri'.

#### Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara adalah sebagai wakil kepada suara rakyat negara dan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara berfungsi sebagai sebuah landasan bagi wakil-wakil yang dilantik untuk menyuarakan isu-isu kebangsaan melalui perbincangan yang strategik serta menyumbangkan idea - idea kepada memperkuatkannya dasar - dasar kerajaan demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Seramai 34 orang terdiri daripada: Ahli Rasmi Kerana Jawatan, Orang-Orang Bergelar, Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan dan Wakil-Wakil Yang Dilantik dari keempat-empat buah daerah di Negara Brunei Darussalam.

*Artikel asal tulisan Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad (Pelita Brunei) dengan kerjasama Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat dan dikemaskini untuk penerbitan buletin ini.*

# MESYUARAT AIPA CAUCUS KE-15

## ANJURAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA

### 11 - 12 JUN 2024



Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15, anjuran Majlis Mesyuarat Negara telah berlangsung dengan jayanya selama dua hari, dari 11 hingga 12 Jun 2024 di The Empire Brunei, Jerudong. Mesyuarat yang membawa tema "Strengthening ASEAN Cyber Resilience through Parliamentary Cooperation: Towards a Future of Safe and Vibrant Digital Economy", dihadiri oleh perwakilan-perwakilan Parlimen Negara ASEAN, rakan-rakan kongsi AIPA, serta jemputan khas dari agensi Kerajaan dan Perwakilan Negara ASEAN di Negara Brunei Darussalam. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Md. Yusof, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15 telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara pada 11 Jun 2024.

Negara diwakili oleh delegasi Majlis Mesyuarat Negara yang terdiri oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.



#### Ucapan Pembukaan Rasmi

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN dalam ucapannya semasa Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat AIPA CAUCUS ke-15, menekankan kepentingan tema, sebagai usaha memperkuuh ketahanan siber dalam menyokong pertumbuhan ekonomi digital, selaras dengan visi ASEAN 2025.



Dalam dunia yang semakin terhubung tambah Yang Berhormat, ketahanan siber merupakan elemen penting bagi melindungi ekonomi, masyarakat, dan cara hidup masyarakat.

Menurut Yang Berhormat lagi, dalam Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, Negara Brunei Darussalam telah mengenal pasti strategi, pemudah (*enablers*) dan ukuran kejayaan bagi membangunkan ekonomi digital.

Yang Berhormat turut menekankan mengenai risiko siber yang wujud seperti ancaman serangan siber. Oleh yang demikian jelas Yang Berhormat, kerjasama parlimen adalah penting bagi menangani ancaman dan memanfaatkan peluang bagi membangunkan ekonomi digital ASEAN melalui usaha seperti ASEAN Digital Economy Framework Agreement (DEFA) dan Bandar Seri Begawan Roadmap bagi memperkuuh keselamatan dan ketahanan siber.

#### Ucapan Pengerusi Mesyuarat

Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Md. Yusof, selaku Pengerusi Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15 dalam ucapan alu-aluannya, menekankan kepentingan tema mesyuarat dalam persediaan untuk menghadapi cabaran landskap digital rantau ASEAN.



Jelas Yang Berhormat, era digital menawarkan peluang besar kepada ASEAN dari penciptaan pekerjaan serta inovasi digital. Walau bagaimanapun, ancaman siber berpotensi untuk menyebabkan ketidakstabilan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

Dalam mengiktiraf peluang dan cabaran transformasi teknologi tambah Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam telah menumpukan usaha untuk memperkuuhkan lagi strategi digital inklusif bagi meningkatkan manfaat sosial dan ekonomi serta keselamatan digital dan siber.

Akhir sekali, Yang Berhormat berharap melalui Mesyuarat AIPA CAUCUS ini dapat memperkuuhkan lagi kerjasama dan meneroka penyelesaian inovatif di kalangan ahli parlimen.



# MESYUARAT AIPA CAUCUS KE-15

## ANJURAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA

### 11 - 12 JUN 2024

#### Ucaprama Setiausaha Agung AIPA

Setiausaha Agung AIPA, Puan Yang Terutama Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman semasa menyampaikan ucapannya, telah menggariskan kepentingan pertubuhan AIPA dalam merealisasikan Komuniti ASEAN.

Puan Yang Terutama menyeru Parlimen Anggota AIPA untuk sentiasa bekerjasama melalui perkongsian amalan-amalan terbaik, menyelaraskan strategi, dan mencipta dasar kukuh ke arah melindungi ekonomi digital. Kerjasama ini tekan PYT, penting dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan generasi akan datang.



#### Sidang Plenari

Mesyuarat diikuti dengan Sidang Plenari Pertama, yang mana agenda utama adalah berkenaan status pelaksanaan resolusi Perhimpunan Agung AIPA Ke-44 di Jakarta, Indonesia pada tahun lalu.

Perwakilan-perwakilan Parlimen Negara ASEAN telah berpeluang untuk mengongsikan status serta kejayaan negara masing-masing dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif berkenaan resolusi-resolusi yang telah diluluskan.

Kepentingan pelaksanaan resolusi ini adalah untuk memastikan resolusi dapat diterjemahkan kepada tindakan, yang akan dapat memberi manfaat kepada semua Negara Anggota ASEAN.



#### Sidang Plenari Kedua

Sidang Plenari Kedua membincangkan tema utama Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15, dengan beberapa pembentangan dari pakar dan wakil institusi mengenai ketahanan siber dan transformasi digital, serta cadangan strategik untuk memperkuatkukuhkan bidang tersebut. Pembentangan ini telah disampaikan oleh pakar undangan daripada Sekretariat ASEAN, Cyber Security Brunei (CSB) dan Economic Research Institute for ASEAN and East Asia (ERIA), yang kemudiannya disusuli dengan sesi-sesi perbincangan.



Sesi Plenari Kedua diteruskan dengan penyampaian laporan-laporan kebangsaan oleh parlimen negara-negara ahli AIPA mengenai tajuk thematic yang mana memberikan peluang bagi membincangkan cadangan strategik bagi Ahli-ahli Parlimen dalam usaha memperkuatkukuhkan ketahanan siber dan transformasi digital.

Ahli parlimen memainkan peranan penting dalam bekerjasama rapat dengan Kerajaan ke arah merealisasikan matlamat yang telah dipersetujui bersama dan membantu dalam pemantauan pelaksanaan dasar-dasar yang diluluskan sebagai penghubung utama antara rakyat dan Kerajaan.



#### Sidang Plenari Ketiga

Di plenari ketiga Yang Berhormat Pengerusi Mesyuarat telah mengemukakan deraf laporan Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15 untuk dibincangkan. Pada sesi akhir, mesyuarat telah mempertimbangkan dan meluluskan laporan tersebut, untuk disahkan dan diterima pakai di Perhimpunan Agung AIPA kali ke-45.

Majlis Penutup diteruskan dengan ucapan penerimaan oleh Yang Berhormat Nim Chantara, Vice-Chairman of the Commission on Foreign Affairs, International Cooperation and Media of the National Assembly of the Kingdom of Cambodia. Yang Berhormat telah menyampaikan ucapan tahniah kepada Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam di atas kejayaan menghoskan Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15 di Bandar Seri Begawan dan menzahirkan kesediaan National Assembly of the Kingdom of Cambodia untuk mengambil alih tanggungjawab untuk menganjurkan Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-16 pada tahun 2025. Ini diteruskan dengan penandatangan Laporan Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15 oleh semua Ketua-Ketua Delegasi daripada negara-negara ahli AIPA dan Pengerusi Mesyuarat. Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

#### Program Lawatan (Excursion)

Delegasi-delegasi Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15 turut berkesempatan mengadakan lawatan ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan telah menyaksikan sendiri koleksi-koleksi budaya seni Islam dan Negara.



# MESYUARAT DAN BENGKEL LUAR NEGARA

## JANUARI - JUN 2024



**17 - 18 JANUARI 2024**

### Mesyuarat Task Force on the Enhancement of Guidelines of AIPA's Engagement with Externals and Digital Law Library Establishment

Majlis Mesyuarat Negara telah menghadiri Mesyuarat Task Force on the Enhancement of Guidelines of AIPA's Engagement with Externals and Digital Law Library Establishment yang berlangsung pada 17 hingga 18 Januari 2024 di Jakarta, Indonesia.



Selain itu, penubuhan perpustakaan digital koleksi undang-undang Negara-Negara Ahli AIPA yang dicadangkan oleh Dewan Perwakilan Rakyat Kemboja turut menjadi fokus perbincangan. Perpustakaan digital ini dijangka akan dilancarkan pada pertengahan tahun 2024.

Bengkel turut diadakan untuk membincangkan *Plan of Action to Promote Women's Political Participation & Leadership* yang bertujuan untuk menggalakkan tadbir urus inklusif dan kepimpinan di ASEAN, menggariskan tindakan-tindakan konkrit yang akan diusahakan oleh negara-negara Ahli AIPA pada tahun mendatang.



**4 - 7 FEBRUARI 2024**

### Women Parliamentarians of the ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (WAIPA) Event 2024

Mesyuarat Penyelaras Komiti Parlimen Wanita AIPA (WAIPA) telah berlangsung pada 4 hingga 7 Februari 2024 di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao, dengan tema "*Fostering Gender-Responsive Parliaments for a Resilient, Connected, and Inclusive ASEAN Community*".

Majlis Mesyuarat Negara diwakili oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam dan Yang Berhormat Dayang Chin Yee. Mesyuarat ini bertujuan untuk menyokong perjalanan Mesyuarat Komiti WAIPA semasa Perhimpunan Agung AIPA ke-45 pada bulan Oktober nanti.



Mesyuarat ini merupakan kesinambungan daripada hasil utama Mesyuarat Komiti Eksekutif di Perhimpunan Agung AIPA ke-44 pada Ogos 2023, yang dibincangkan termasuk bagi pengemaskinian garispandu penglibatan AIPA dengan pihak luar untuk memenuhi kehendak kerjasama yang semakin meningkat dengan parlimen luar ASEAN.

Mewakili Majlis Mesyuarat Negara ialah Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.



**3 - 5 APRIL 2024**

### Bengkel Parliamentary Good Governance Practices

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah menghadiri bengkel *Parliamentary Good Governance Practices* yang berlangsung pada 3 hingga 5 April 2024 bertempat di Bangkok, Thailand.

Bengkel ini bertujuan untuk bertukar pandangan mengenai amalan tadbir urus dan piawaian yang digunakan oleh parlimen-parlimen ASEAN dan parlimen serantau lainnya. Perbincangan memfokuskan kepada dua perkara utama iaitu Sistem Tadbir Urus Parlimen dan Tata Kelakuan Parlimen.



Wakil-wakil dari negara ahli AIPA termasuk Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam telah membentangkan mengenai sistem tadbir urus parlimen masing-masing, termasuk kawalan fungsi dan prosedur parlimen, kaedah untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti sebagai wakil rakyat, serta amalan terbaik untuk penggunaan sumber yang efisien.



Bengkel juga mengetengahkan beberapa pembentangan mengenai amalan tata kelakuan parlimen dari Perancis, Amerika Syarikat, dan Sweden.



**5 APRIL 2024**



**24 - 25 APRIL 2024**

### **Mesyuarat atas talian - Final Review of Women's Political Participation and Leadership Implementation Framework**

Mesyuarat bagi membincangkan *Final Review of Women's Political Participation & Leadership Implementation Framework* telah berlangsung pada 5 April 2024 atas talian. Rangka kerja ini menggariskan tindakan untuk meningkatkan penyertaan ahli parlimen wanita dalam menggalakkan pembangunan parlimen yang responsif kepada keperluan dan penyertaan wanita.



Majlis Mesyuarat Negara telah diwakili oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam dan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dan telah membincangkan secara terperinci berkenaan deraf kerangka pelaksanaan yang bertujuan untuk mewujudkan asas serantau dan kebangsaan dalam meningkatkan penyertaan politik wanita di rantau ASEAN. Wakil-wakil dari negara Ahli AIPA telah memberikan pandangan dan pendapat kepada deraf kerangka pelaksanaan tersebut, yang mana akan dibentangkan semasa Perhimpunan Agung AIPA Ke-45 yang akan datang di Lao PDR pada bulan Oktober nanti.

### **Bengkel AIPA-FAO-IISD Joint Workshop on the Implementation of the ASEAN Guidelines on Promoting Responsible Investment in Food, Agriculture, and Forestry Sectors**

Majlis Mesyuarat Negara, diwakili oleh Yang Berhormat Awang Lau How Teck dan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, telah menyertai bengkel kerja bertajuk "AIPA-FAO-IISD Joint Workshop on the Implementation of the ASEAN Guidelines on Promoting Responsible Investment in Food, Agriculture, and Forestry Sectors" di Vientiane, Lao PDR pada 24 hingga 25 April 2024.



Bengkel ini bertujuan untuk memperkuuhkan kerjasama serantau khususnya dalam mewujudkan pelaburan pertanian bertanggungjawab di ASEAN. Perbincangan juga memfokuskan kepada isu-isu penting berkaitan pelaburan pertanian bertanggungjawab, menyediakan ruang untuk pertukaran pandangan dan pengalaman, serta menghasilkan pelan tindakan sebagai garis panduan untuk parlimen serantau. Bengkel turut menekankan kerjasama erat antara pihak berkepentingan bagi memastikan kelestarian sektor pertanian di rantau ini.

Kesinambungan hasil bengkel ini akan dibincangkan semasa bengkel seterusnya pada bulan Julai dan diluluskan semasa Perhimpunan Agung AIPA Ke-45 pada bulan Oktober nanti.



**10 JUN 2024**

### AIPA Tripartite Forum - Building a Vibrant Digital Economy in ASEAN: Strategies for Cyber Resilience and Shared Prosperity

Pada 10 Jun 2024, sebuah forum AIPA Tripartite telah dianjurkan oleh ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA), ASEAN Business Advisory Council of Brunei, dan APEC Business Advisory Council of Brunei, dengan sokongan Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam dan Economic Research Institute for ASEAN and East Asia (ERIA). Forum ini telah dihadiri oleh Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan lebih daripada 400 pemimpin perniagaan, ahli-ahli parlimen, serta pegawai Kerajaan dari seluruh rantau ASEAN untuk membincangkan tema "Building a Vibrant Digital Economy in ASEAN: Strategies for Cyber Resilience and Shared Prosperity". Forum ini menekankan kepentingan kerjasama antara Kerajaan, Perniagaan dan Parlimen sebagai pihak berkepentingan utama dalam memperkuatkukuhkan keterhubungan digital, memudahkan perdagangan rentas sempadan, serta merangsang inovasi bagi pertumbuhan ekonomi di ASEAN.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, dalam ucapan perasmianya, menekankan ketahanan dan pertumbuhan ekonomi ASEAN selepas pandemik COVID-19. Yang Berhormat turut menekankan peranan penting ekonomi digital dalam mempercepatkan pertumbuhan ASEAN, dengan kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta bagi mengatasi ancaman siber serta membangunkan strategi ketahanan siber. Melalui Forum Tripartite ini, Yang Berhormat menegaskan bahawa platform ini memberi peluang untuk berkongsi amalan terbaik dan merangka strategi kolaboratif bagi memajukan transformasi digital di seluruh rantau ASEAN.



Panel jemputan terdiri daripada pakar-pakar yang terkenal. Turut hadir bagi menyampaikan ucaptama khas adalah Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr.) Johari Bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat Malaysia. Penyampai kertas lain termasuk ERIA President Tetsuya Watanabe dan Tuan Yang Terutama Satvinder Singh, Timbalan Ketua Setiausaha Komuniti Ekonomi ASEAN. Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, Ahli Majlis Mesyuarat Negara turut menyumbang dalam sesi panel mengenai Ekonomi Digital ASEAN, yang telah menggariskan peranan penting sektor swasta dalam menyumbangkan idea, modal, serta kerjasama untuk memacu transformasi digital di rantau ini.



### Webinar - Transforming agrifood systems for the health of people and the planet: The role of parliaments


Webinar bertajuk "Transforming agrifood systems for the health of people and the planet: The role of parliaments" anjuran IPU-ECE-ESCAP telah diadakan secara atas talian pada 26 Jun 2024. Hadir mewakili Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lau How Teck, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin dan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Webinar tersebut membincangkan mengenai kesan perubahan iklim yang menyebabkan ketidakjaminan makanan global dan kemiskinan. Antara lain, webinar juga membincangkan mengenai cara-cara menyokong transformasi sistem agromakanan dalam menghadapi perubahan iklim dan mengukuhkan peranan parlimen dalam menyokong usaha tersebut dan memastikan kesejahteraan masyarakat dan memelihara persekitaran global.



# LAWATAN-LAWATAN KE MMN

## JANUARI - JUN 2024



**26 FEBRUARI 2024**

### Tuan Yang Terutama Jae Hyun BAEK, Setiausaha Agung, Sekretariat Perhimpunan Kebangsaan Republik Korea

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, menerima kunjungan daripada Tuan Yang Terutama Jae Hyun BAEK, Setiausaha Agung, Sekretariat Perhimpunan Kebangsaan Republik Korea, berserta tujuh orang delegasi pada 26 Februari 2024. Turut hadir, Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet & Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara; dan beberapa Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.



Antara lain, kedua-dua pihak telah menyentuh mengenai sistem pendidikan yang telah dibangunkan di kedua-dua negara berdasarkan konteks dan keperluan negara yang penuh semangat. Keterlibatan dalam bidang pendidikan dilihat sebagai landasan yang amat penting dalam pembangunan negara dan rakyat.

Kunjungan juga diselajurkan dengan sesi dialog antara rombongan bersama dengan Majlis Mesyuarat Negara dalam bertukar-tukar pendapat dan pandangan mengenai kerjasama dua hala terutamanya *people-to-people exchanges*, lawatan antara kedua-dua pihak dan amalan terbaik dalam bidang-bidang yang menjadi keprihatinan kedua-dua negara.



Inisiatif melalui kumpulan persahabatan parlimen turut menjadi perhatian dan kedua-dua negara bercadang untuk merealisasikan dalam masa yang terdekat dalam mengukuhkan lagi kerjasama antara kedua-dua badan perundangan.



**2 MAC 2024**

### Yang Berhormat Gabriele Katzmarek, Pengurus ASEAN Parliamentary Group, Parlimen Jerman

Kunjungan daripada Yang Berhormat Gabriele Katzmarek, Pengurus ASEAN Parliamentary Group, Parlimen Jerman, bersama dengan enam orang delegasi telah diadakan pada 2 Mac 2024.


Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara telah mengalukan rombongan, beserta Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet & Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan beberapa orang Ahli Majlis Mesyuarat Negara.



Kedua-dua pihak telah berbincang dan menegaskan mengenai komitmen bersama dalam memperkuatkkan hubungan antara kedua-dua negara terutamanya antara dewan perundangan. Perbincangan juga memfokuskan mengenai keahlian parlimen serta peranan dan tanggungjawab ahli-ahli, selain dari mengongsikan hala tuju negara dalam mengekalkan keamanan dan kestabilan serta usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi. Pihak rombongan telah menekankan kepentingan rantau ASEAN dalam dasar luar Persekutuan Jerman dan berusaha untuk meningkatkan lagi kerjasama.

Rombongan juga berkesempatan untuk menghadiri Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Ke-20 selepas Majlis Kunjungan tersebut.






**13 MEI 2024**

**Tuan Yang Terutama Li Xiaosan, Vice Chairman of the Standing Committee of Yunnan Provincial People's Congress of the People's Republic of China**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara telah mengalakukan satu kunjungan daripada Tuan Yang Terutama Li Xiaosan, Vice Chairman of the Standing Committee of Yunnan Provincial People's Congress of the People's Republic of China, bersama lima ahli delegasi pada 13 Mei 2024. Turut hadir, Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet & Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara; dan beberapa Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.



Perbincangan tertumpu kepada sektor pelancongan dan ekonomi serta bidang-bidang yang lainnya. Kedua-dua pihak juga membincangkan mengenai sistem perundungan serta fungsi dan peranan Dewan sebagai saluran utama kepada rakyat. Kedua-duanya berharap untuk memperkuatkan lagi kerjasama dan hubungan antara Dewan Perundungan melalui pertukaran lawatan pada masa yang terdekat.



**25 JUN 2024**

**Lawatan daripada peserta Leadership Programme for Young and Future Leaders of Timor-Leste for ASEAN**

Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat telah menerima lawatan daripada 10 orang peserta *Leadership Programme for Young and Future Leaders of Timor-Leste for ASEAN* pada 25 Jun 2024. Lawatan tersebut bertujuan untuk memberikan pendedahan dan mengongsikan maklumat mengenai peranan Majlis Mesyuarat Negara khususnya dalam penyertaan negara di peringkat serantau dan antarabangsa.



Antara lain, taklimat telah menyentuh mengenai prosedur dan amalan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang berpandukan kepada Peraturan-Peraturan MMN (*Standing Order*). Sesi dialog antara kedua-dua pihak telah memberikan peluang untuk mengetahui pendekatan MMN dalam menangani isu-isu semasa serta peluang kerjasama antara kedua-dua pihak.



**27 JUN 2024**

**Yang Berhormat Dr. H. Fadli Zon, Ketua Badan Kerjasama Antara Parliment, Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (DPRRI)**

Sebuah kunjungan daripada Yang Berhormat Dr. H. Fadli Zon, Ketua Badan Kerjasama Antara Parliment, Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (DPRRI) beserta tujuh orang Ahli Parliment telah diadakan pada 27 Jun 2024 kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN.

Turut hadir, Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet & Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara berserta beberapa orang Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.



Pertemuan tersebut telah menyentuh mengenai memperkasa penggunaan Bahasa Melayu di kalangan parliment-parliment serantau dan kepentingannya sebagai warisan bangsa. Sesi dialog juga diadakan antara rombongan bersama dengan Majlis Mesyuarat Negara untuk membincangkan secara terperinci mengenai inisiatif Pertubuhan Parliment berbahasa melayu dan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kerja rantau ASEAN.

Mengakhiri kunjungan, rombongan telah berkesempatan untuk mengadakan lawatan ke Dewan Persidangan (*Chamber*).

# PROGRAM PEMBERIGAAN MAJLIS MESUARAT NEGARA JANUARI - JUN 2024



14 FEBRUARI 2024



19 MEI 2024



13 JUN 2024

## Program Pemberigaan - PR Engagement MMN-20

Satu Program Pemberigaan telah diadakan pada 14 Februari 2024 sebagai inisiatif untuk memperkuatkan hubungan antara pihak media dan perhubungan awam dari semua kementerian. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan mengenai proses-proses yang berlangsung semasa Persidangan MMN, serta menggalakkan perbincangan terbuka antara peserta mengenai pelbagai isu yang berkaitan dengan perjalanan sidang mesyuarat dan peranan MMN dalam pembentukan dasar negara.

Sepanjang program tersebut, wakil-wakil dari pelbagai kementerian diberi peluang untuk memahami lebih lanjut tentang prosedur persidangan MMN. Selain itu, sesi soal jawab telah diadakan untuk membolehkan para peserta mengemukakan sebarang soalan atau cadangan bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian maklumat kepada orang awam. Program ini diharapkan dapat memperkuatkan lagi kerjasama antara MMN dan pihak media dalam memastikan ketelusan serta penyampaian maklumat yang tepat dan jelas kepada masyarakat.



## Riadah Amal Hari Perkhidmatan Awam Ke-30 anjuran Institut Perkhidmatan Awam

Sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-30 pada tahun ini, Institut Perkhidmatan Awam telah menganjurkan acara Riadah Amal yang telah diadakan pada 19 Mei 2024. Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat telah turut menyertai program tersebut bersama dengan Jabatan-Jabatan dan Kementerian yang lainnya. Acara tersebut telah berlangsung di Taman Sir Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.



Program tersebut telah memberi peluang kepada masyarakat awam untuk berinteraksi dengan langsung bersama Urusetia MMN dan menyertai pelbagai aktiviti yang telah diadakan. Melalui program ini, ianya bukan sahaja memberikan platform untuk berkongsi maklumat tetapi juga sebagai peluang untuk memperkuatkan hubungan dengan masyarakat awam dan mempromosikan lagi MMN.

## Program AIPA Roadshow anjuran bersama MMN dan AIPA

Sebagai salah satu inisiatif bagi memperkenalkan dan memberi pengaruh kepada Majlis Mesyuarat Negara dan pertubuhan ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) kepada golongan belia di negara, satu program pemberigaan telah diadakan pada 13 Jun 2024. Program ini dianjurkan bersama oleh Majlis Mesyuarat Negara dan Sekretariat AIPA, dan disokong oleh Majlis Belia Brunei. Seramai 147 orang telah menyertai program tersebut terdiri daripada universiti, institusi-institusi pengajian tinggi dan Civil Society Organisations (CSOs) di Negara Brunei Darussalam.

Program ini bertujuan untuk memperkenalkan peranan dan fungsi Majlis Mesyuarat Negara serta AIPA, menggalakkan penglibatan belia dalam menangani cabaran serantau dan global, dan memajukan kerjasama serantau melalui diplomasi parlimen. Program ini turut menampilkan sesi dialog bersama ahli-ahli panel yang terdiri daripada wakil Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Agung AIPA, dan wakil ASEAN, di mana peserta berpeluang untuk berinteraksi dan menyuarakan pandangan mereka.



# SESI MUZAKARAH, DIALOG & LAWATAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA JANUARI - JUN 2024



**23 JANUARI 2024**

**Sesi Lawatan Bersama Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri**



**24 JANUARI 2024**

**Sesi Muzakarah Bersama Kementerian Pembangunan**



**29 JANUARI 2024**

**Sesi Muzakarah Bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**



**5 FEBRUARI 2024**

**Sesi Muzakarah Bersama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**



**5 FEBRUARI 2024**

**Sesi Muzakarah Bersama Kementerian Kewangan dan Ekonomi**



**12 FEBRUARI 2024**

**Sesi Muzakarah Bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama**



**15 FEBRUARI 2024**

**Sesi Muzakarah Bersama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**



**20 FEBRUARI 2024**

**Sesi Muzakarah Bersama Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya**



**2 APRIL 2024**

**Sesi Lawatan Ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah**

# AKTIVITI-AKTIVITI JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT JANUARI - JUN 2024



27 - 30 MEI 2024

## Lawatan Kerja Urusetia Majlis Mesyuarat Negara ke Parlimen Singapura

Lawatan kerja ke Parlimen Singapura telah diadakan pada 27 hingga 30 Mei 2024, yang mana bertujuan mempelajari struktur, operasi, dan amalan terbaik Parlimen Singapura. Rombongan diketuai oleh Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet & Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara; bersama pegawai-pegawai dari Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat dan Pejabat Peguam Negara.

Parlimen of Singapore mengongsikan pelbagai maklumat dan pengetahuan dan seterusnya berharap untuk lebih banyak peluang untuk bekerjasama dengan Majlis Mesyuarat Negara.



20 MEI - 11 JULAI 2024

## Kursus - The 6th Intake of Programme on Parliamentary Diplomacy (PPD) 2024

Dua pegawai dari Urusetia Majlis Mesyuarat Negara telah menyertai Program Diplomasi Parlimen anjuran Parliamentary Centre of Asia (PCAsia). Program ini adalah sebahagian daripada Program Perkongsian Pengetahuan PCAsia yang direka khas untuk memenuhi keperluan institusi parlimen ASEAN dan dijalankan secara *hybrid* dari 20 Mei hingga 11 Julai 2024, dengan tiga fasa utama.



Fasa Pertama dan Kedua yang telah dilaksanakan secara talian dari 20 Mei hingga 6 Jun 2024 memberi tumpuan kepada teori dan panduan komprehensif mengenai diplomasi parlimen serta cara-cara menyediakan kertas kedudukan negara (*country position paper*).

Para peserta menerima bimbingan daripada pakar-pakar serantau dan antarabangsa, yang berkongsi pengalaman mengenai diplomasi parlimen serta panduan dalam penyediaan bahan-bahan diplomatik seperti kertas kedudukan negara, ucapan, dan resolusi. Sesi ini juga menyediakan latihan praktikal bagi melengkapkan peserta dengan kemahiran untuk menyediakan kertas-kertas substantif, serta menyumbang kepada penyediaan deklarasi bersama untuk delegasi parlimen dalam konteks AIPA.



Pada Fasa Ketiga, yang diadakan secara fizikal dari 9 hingga 11 Julai 2024 di Phnom Penh, Cambodia, adalah merupakan latihan simulasi mesyuarat AIPA. Para peserta diberikan peluang untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi di sepanjang latihan dalam suasana mesyuarat sebenar. Latihan ini juga menekankan kerjasama, perbincangan secara konsensus, dan penyumbangan secara efektif kepada deraf resolusi bersama. Fasa terakhir ini juga mengetengahkan pakarpakar serantau dan antarabangsa dalam bidang diplomasi parlimen, yang berkongsi pengalaman dan pengetahuan mereka dengan para peserta.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen Majlis Mesyuarat Negara dalam memperkuuhkan keupayaan kakitangannya untuk menyokong peranan parlimen dalam diplomasi antarabangsa dan serantau, terutama dalam mesyuarat tahunan AIPA.



**AKTIVITI-AKTIVITI  
JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT  
JANUARI - JUN 2024**



**Majlis Solat Hajat Sempena MMN Ke-20  
Tahun 1445H / 2024M**

**Jejak Kasih Ramadhan  
Tahun 1445H / 2024M**



**Sambutan Hari Raya Aidilfitri  
Tahun 1445H / 2024M**

**Aktiviti Riadah Jabatan  
(setiap dua minggu)**

**Majlis Tahlil Jabatan  
(setiap dua minggu)**



## **TERBITAN**

**Bahagian Perhubungan Inter-Parlimen dan Perhubungan Awam,  
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat,  
Bangunan Dewan Majlis,  
Jalan Dewan Majlis BB3910,  
Negara Brunei Darussalam  
Tel : 2380501/2381503/2381508  
Email : [majlis.mesyuarat@jmm.gov.bn](mailto:majlis.mesyuarat@jmm.gov.bn)**

Untuk berita terkini, layari laman sosial:



**@legcobreunei**



**[www.majlis-mesyuarat.gov.bn](http://www.majlis-mesyuarat.gov.bn)  
[www.councils.gov.bn](http://www.councils.gov.bn)**